

PROGRAM TRANSFORMASI OKU MELALUI *EDU-TOURISM*: ISU DAN CABARAN BAGI MENINGKATKAN KOMPETENSI KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN BELIA OKU

Syahrina Abdullah¹
Lily Julienti Abu Bakar²
Armanurah Mohamad³

¹ Kolej Sastera & Sains (CAS), Universiti Utara Malaysia

^{2,3} Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia

Accepted date: 30 October 2017

Published date: 11 April 2018

To cite this document:

Syahrina, A., Lily Julienti A.B., & Armanurah, M. (2018). Program Transformasi Oku Melalui Edu-Tourism: Isu Dan Cabaran Bagi Meningkatkan Kompetensi Keusahawanan Dalam Kalangan Belia Oku. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 3(7), 13 - 26.

Abstrak: Program Transformasi OKU melalui Edu-Tourism merupakan satu program kerjasama antara UUM, Yayasan EMKAY dan Yayasan Pulau Banding. Program ini melibatkan pemindahan ilmu daripada akademia UUM kepada rakan industri dan kemudian pihak industri akan memindahkan ilmu tersebut kepada peserta bagi meningkatkan kemahiran diri, membuka peluang pekerjaan serta membantu menghadapi dunia pekerjaan sebenar kepada belia OKU di Malaysia. Seramai 10 orang peserta OKU telah menyertai program 'pioneer' ini di mana mereka telah mengikuti 12 modul yang merangkumi modul motivasi, keusahawanan, pelancongan, pelancongan-eco, pemasaran, kemahiran interpretasi, komunikasi dan perkomputeran. Program Transformasi OKU melalui Edu-Tourism merupakan program berimpak tinggi kerana objektif utamanya ialah untuk memperkasakan golongan OKU di Malaysia dan seterusnya mampu melahirkan generasi OKU yang produktif dan berdaya saing. Objektif utama kertas kerja ini adalah untuk membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi dalam membangunkan kompetensi keusahawanan belia OKU. Selain dari itu, kertas kerja ini juga ingin meninjau tahap kompetensi diri peserta OKU. Hasil kajian mendapati skor min keseluruhan kompetensi keusahawanan dalam kalangan peserta OKU telah meningkat daripada tahap sederhana rendah (skor min 2.10) kepada tahap sederhana tinggi (skor min 3.20) selepas mereka mengikuti Program Transformasi OKU melalui Edu-Tourism. Justeru, diharap program seperti ini dapat memberi kesedaran dan motivasi diri kepada golongan OKU untuk menceburi bidang keusahawanan pada masa hadapan.

Kata kunci: Orang kelainan upaya (OKU), kompetensi diri keusahawanan, isu dan cabaran.

TRANSFORMATION OF DISABLED PEOPLE THROUGH EDU-TOURISM PROGRAM: ISSUES AND CHALLENGES IN DEVELOPING ENTREPRENEURIAL COMPETENCIES AMONG DISABLE YOUTH.

Syahrina Abdullah¹
Lily Julienti Abu Bakar²
Armanurah Mohamad³

¹ Kolej Sastera & Sains (CAS)

^{2,3} Kolej Perniagaan (COB)
Universiti Utara Malaysia

Abstract: Transformation of Disable People through the Edu-Tourism Program was a joint program between UUM, EMKAY Foundation and Pulau Banding Foundation. This program involved transferring knowledge from UUM's academia to industry and then the industry will transfer the knowledge to the participants of this program in order to develop their competencies, searching for job opportunity and ready to face with real job scenario among disable youth. There were ten participants of disable people in this 'pioneer' program where they have to undergo 12 module's which included motivation, entrepreneurship, tourism, e-co tourism, marketing, interpretation, communication and computer skills module. Transformation of Disable People through the Edu-Tourism Program is a high impact program where the main objective is to enhance disable people in Malaysia thus can generate a productive and competent disable people. The objective of this paper is to discuss the issues and challenges in order to develop the entrepreneurship competencies among disable youth. A part of that, this paper also was to explore level of self competencies among the participants of disable people. The result showed that the overall mean score in identifying entrepreneurial competencies among disable people had risen from a moderate low level (mean score of 2.10) to a moderate high level (mean score of 3.2) after they participated in the program. Thus, the program hopefully can motivate disable people to involve in entrepreneurship field in the future.

Keywords: Disable people, entrepreneurship competency, issues and challenges.

Pengenalan

Program Pemindahan Ilmu (*Knowledge Transfer Program-KTP*) Transformasi Orang Kelainan Upaya (OKU) Melalui Edu-Tourism merupakan satu program kolaborasi oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), UUM dan pihak industri iaitu Yayasan EMKAY (Yayasan) dan Yayasan Pulau Banding (PBF) yang sama-sama mempunyai motif untuk meningkatkan kualiti kehidupan golongan OKU di Malaysia. Program ini bertujuan untuk melahirkan golongan OKU yang berpengetahuan dan berkemahiran khususnya kemahiran dalam bidang keusahawanan, pelancongan serta perkomputeran. Golongan OKU juga merupakan

sebahagian daripada masyarakat di Malaysia, maka mereka juga mempunyai hak yang sama untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain.

Melalui Program Transformasi OKU Melalui *Edu-Tourism* ini, diharap dapat melahirkan golongan OKU yang lebih aktif, berkeyakinan pada diri dan bermotivasi diri yang tinggi. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, lebih banyak syarikat-syarikat di Malaysia telah mengambil golongan OKU sebagai salah satu sumber tenaga kerja mereka. Sumbangan OKU dalam sektor swasta telah terbukti sebagai sumber yang amat berharga. Bagi di negara-negara maju, sokongan pekerjaan mempunyai sejarah lebih daripada 30 tahun dalam menyediakan perkhidmatan sokongan bagi OKU untuk menggalakkan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada golongan OKU. Kerjasama yang aktif dengan sektor swasta sejak tahun 2008 telah mencipta sejarah di Malaysia dalam membangunkan pekerjaan mampan bagi golongan OKU.

Golongan OKU di Malaysia merupakan penduduk peribumi yang memerlukan perhatian dan sokongan sama ada daripada pihak kerajaan, NGO mahupun industri. Ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup golongan OKU ke arah yang lebih baik melalui pendidikan sama ada pendidikan keusahawanan atau bidang yang lain agar mereka dapat berkerja dalam kelompok masyarakat biasa kelak. Kertas kerja ini dikemukakan untuk meninjau tahap kompetensi keusahawanan dalam kalangan peserta OKU setelah menamatkan program ini serta isu dan cabaran yang dihadapi semasa proses pemindahan ilmu tersebut dilaksanakan. Justeru, kertas kerja ini diharap dapat mengulas dengan lebih lanjut peranan masyarakat dalam membangunkan kompetensi diri dalam kalangan OKU di Malaysia.

Ulasan Karya

Definisi OKU

Orang kelainan upaya atau dikenali sebagai OKU merujuk kepada seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperolehi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan/atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan kekurangan samada dari segi fizikal atau mental dan samada ianya berlaku semenjak lahir atau kemudian daripada itu (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013).

Menurut Akta Orang Kurang Upaya 2008, OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Manakala, Kementerian Sumber Manusia mendefinisikan OKU sebagai individu yang mengalami kecacatan fizikal atau kecacatan akal yang berbangkit samada secara semulajadi atau akibat kecelakaan atau penyakit tetapi mereka boleh menjalankan pekerjaan.

Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (2013) telah mengklasifikasikan Orang Kurang Upaya kepada tujuh (7) kategori utama ketidakupayaan seperti berikut:

Kurang Upaya Pendengaran

Tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua telinga tanpa menggunakan alat bantuan atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran.

Kurang Upaya Penglihatan

Tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh. Terdapat dua jenis kurang upaya penglihatan iaitu penglihatan terhad dan buta.

Kurang Upaya Pertuturan

Tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini adalah kekal atau tidak akan sembuh. Bagi kanak-kanak pula, mestilah berdasarkan penilaian pada umur lima tahun ke atas.

Kurang Upaya Fizikal

Ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan atau tiada suatu anggota atau ketidakupayaan di mana-mana bahagian badan yang mengalami keadaan seperti hemiplegia, paraplegia, tetraplegia, kehilangan anggota, kelemahan otot-otot yang mengakibatkan mereka tidak dapat melakukan aktiviti asas seperti penjagaan diri, pergerakan dan pertukaran posisi tubuh badan. Keadaan ini boleh terjadi akibat daripada kecederaan (trauma) atau ketidakfungsian sistem saraf, kardiavaskular respiratori, hematologi, imunologi, urologi, hepatobiliari, muskuloskeletal, ginekologi dan lain-lain.

Masalah Pembelajaran

Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal. Mereka yang tergolong dalam kategori ini adalah lewat perkembangan global, Sindrom Down, lembab dan kurang upaya intelektual. Kategori ini juga merangkumi keadaan yang menjejaskan kemampuan pembelajaran individu seperti *Autisme (Autistic Spectrum Disorder)*, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)* dan masalah pembelajaran spesifik seperti (*Dyslexia, Dyscalculia dan Dysgraphia*).

Kurang Upaya Mental

Keadaan penyakit mental yang teruk yang telah diberi rawatan atau telah diberi diagnosis selama sekurang-kurangnya dua tahun oleh Pakar Psikiatri akibat daripada penyakit yang lama dan telah menjalani rawatan psikiatri, mereka masih tidak berupaya untuk berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat. Terdapat beberapa jenis penyakit mental tersebut ialah *Organic Mental Disorder yang serius dan kronik, Skizofrenia, Paranoid, Mood Disorder (depression, bipolar)* dan *Psychotic Disorder* seperti *Schizoaffective Disorder* dan *Persistent Delusional Disorders*.

Kurang Upaya Pelbagai

Kurang Upaya Pelbagai (*Multiple Disabilities*) mempunyai lebih daripada ketidakupayaan dan secara umumnya tidak sesuai diklasifikasikan dalam kategori satu hingga enam.

Definisi Keusahawanan

Keusahawanan sebenarnya membawa maksud yang lebih daripada sekadar menubuh dan menjalankan perniagaan. Konsep keusahawanan dan istilah usahawan tidak dapat dipisahkan. Istilah usahawan adalah berasal dari perkataan Inggeris iaitu '*entrepreneur*'. Manakala istilah Inggeris dipetik dari perkataan Perancis iaitu '*entreprendre*'. Dalam bahasa Melayu, istilah usahawan adalah daripada perkataan 'usaha'. Menurut Kamus Dewan (2000), usahawan membawa maksud individu yang mempunyai ciri-ciri daya upaya (ikhtiar, kegiatan, perbuatan) untuk mencapai (melaksanakan, menyempurnakan) sesuatu. Usahawan dikatakan begitu istimewa dan individu ini mempunyai ciri-ciri tertentu yang membantu dalam usahanya untuk mencapai kejayaan. Antara ciri-ciri keusahawanan adalah seperti daya usaha, motivasi, mengenalpasti peluang-peluang perniagaan, kreativiti, kepercayaan pada diri sendiri yang tinggi serta keupayaan mengambil risiko. Ciri-ciri ini juga dikenali sebagai ciri-ciri enterprais (Gibb, 1987; Mohd. Salleh et al., 2005).

Selain itu, usahawan mestilah seorang yang pakar dalam mempertimbangkan sesuatu keputusan yang mungkin memberi kesan terhadap perniagaan, keadaan dan penggunaan barangan atau perkhidmatan, sumber dan organisasi (Jack & Anderson, 1999). Ini disebabkan usahawan perlu membuat keputusan yang cepat dan tepat dengan mengenal pasti alternatif-alternatif yang terbaik daripada tindakan biasa berdasarkan sumber dan saluran informasi yang banyak.

Usahawan yang berjaya dapat dibezakan daripada individu lain. Usahawan dikatakan mempunyai ciri-ciri dan profil diri yang unik, hebat serta mempunyai kompetensi keusahawanan iaitu kemampuan dan kemahiran diri untuk melaksanakan fungsi-fungsi keusahawanan dengan berkesan. Pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh usahawan membolehkan mereka melihat, menganalisis dan merebut peluang-peluang perniagaan yang tidak dapat dilihat oleh orang lain. Usahawan perlu mempunyai ciri-ciri dinamik dan optimistik terhadap peluang yang ada.

Manakala menurut Siti Syuhada et.al (2015), teori keusahawanan terbahagi kepada empat pendekatan iaitu pendekatan ekonomi yang menekankan aspek keuntungan dan kekayaan, pendekatan sosial yang menjelaskan situasi sosial yang boleh mempengaruhi kemunculan seseorang usahawan, pendekatan psikologi yang mengkaji bidang keusahawanan dari aspek personaliti serta pendekatan keusahawanan Islam di mana keusahawanan dan segala aktiviti dipandang sebagai ibadah dalam Islam.

Justeru, kertas kerja ini akan memfokuskan kepada aspek psikologi ciri usahawan yang terdapat pada diri peserta OKU berdasarkan kepada 13 item kompetensi keusahawanan yang dibangunkan oleh McClelland dan Mc Ber & Co (McClelland, 1985).

Kompetensi Keusahawanan

Kompetensi diri usahawan merupakan keterampilan diri yang ditonjolkan oleh seseorang usahawan. Kompetensi diri boleh didefinisikan sebagai kelebihan dari aspek ciri-ciri yang dimiliki oleh setiap individu dalam membangunkan perniagaan sendiri. Kompetensi keusahawanan bermaksud kemampuan atau kecekapan seseorang untuk melaksanakan fungsi-fungsi keusahawanan dengan berkesan (McClelland, 1985; Siti Syuhada et.al 2015).

Kompetensi keusahawanan boleh diterjemahkan sebagai gabungan elemen-elemen tingkah laku, perwatakan, ciri-ciri keperibadian, pengetahuan, peranan sosial, hasrat dan kemahiran seseorang individu yang mendasari tindakannya dalam meneroka, membina dan mengembangkan sesuatu usaha perniagaan (Bird, 1995). Manakala Bird (2002) menekankan kepada kepentingan kompetensi keusahawanan diri terhadap perkembangan usahawan dan juga kejayaan sesebuah perniagaan.

Kompetensi atau keterampilan diri keusahawanan dimiliki melalui amalan-amalan perilaku hasil daripada pengaruh nilai-nilai hidup seseorang, sikap atau desakan dalaman untuk melakukan tugas dengan cemerlang. Melalui kompetensi keusahawanan, seseorang akan lebih mampu dan lebih cekap berbanding dengan orang lain yang mempunyai pengetahuan dan kelulusan yang sama. Antaranya berinisiatif, melihat dan merebut peluang, kecekalan, berkeupayaan mencari maklumat, menitikberatkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap perjanjian kerja, kecekalan, membuat perancangan yang sistematik, menyelesaikan masalah secara kreatif, berkeyakinan, ketegasan, menyakin orang lain dan seterusnya menggunakan strategi pengaruh (Azizee Aziz, 2013).

Sehingga kini, terdapat banyak kajian yang telah dilaksanakan oleh ahli ekonomi dan psikologi dalam meneliti dan memahami ciri-ciri seorang usahawan. Banyak kajian yang mengaitkan ciri-ciri unik usahawan dan kejayaan usahawan. Antara kajian yang popular sehingga sekarang ialah kajian tentang ciri-ciri dan personaliti usahawan berjaya oleh McClelland (1965, 1985), Brockhaus (1982), Rotter (1990) dan Bird (1989). Kajian McClelland (1985) terhadap budaya Malawi dan Ecuador mengenai ciri-ciri usahawan yang berjaya antaranya ialah daya inisiatif diri, dapat melihat dan merebut peluang, kecekalan, mencari maklumat, menitik beratkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap perjanjian kerja, berorientasikan kecekalan, perancangan yang sistematik, menyelesaikan masalah secara kreatif, keyakinan diri, ketegasan, menyakin orang lain dan menggunakan strategi-strategi pengaruh.

Ciri yang pertama, usahawan sering dikaitkan dengan cirinya iaitu daya inisiatif yang tinggi. Ciri ini bermakna, usahawan mempunyai semangat dan keupayaan untuk maju ke hadapan. Ciri kedua, usahawan yang merebut dan melaksanakan peluang merupakan pra-syarat untuk berjaya. Sebagai seorang usahawan yang dapat meramal dan menganalisis peluang, mereka tidak akan melepaskan peluang yang boleh membawa keuntungan kepada organisasinya begitu sahaja. Usahawan yang mempunyai ciri ini di katakan seorang yang unik kerana mereka mampu melihat masa depan yang lebih jauh daripada orang ramai terhadap peluang yang bakal diambilnya (Rosli et al., 2010). Usahawan haruslah mempunyai kecekalan yang tinggi dalam mengharungi suka duka di dalam perniagaan. Kecekalan juga bermakna, usahawan sanggup melakukan usaha yang berulang kali untuk menghadapi halangan dan cabaran demi mencapai

matlamat yang diimpikan. Selain itu, usahawan haruslah mengambil tindakan untuk melakukan sesuatu apabila menghadapi dugaan yang berat dan rumit.

Maklumat yang terkini, jelas dan tepat merupakan sumber untuk bertindak dengan pantas. Bagi usahawan abad ke 21 ini, maklumat yang tepat lagi berguna merupakan salah satu faktor untuk mereka berjaya. Bagi mendapatkan maklumat yang terkini, tepat dan jelas, usahawan haruslah mempunyai kepintaran rangkaian dalaman dan kepintaran rangkaian luaran bagi perniagaannya (Rosli et. al.,2010). Kepintaran rangkaian inilah yang akan membantu usahawan dalam mendapatkan maklumat dan menggunakan maklumat dengan baik dan berkesan.

Semasa menerajui tampok kepimpinan bagi perniagaannya, seseorang usahawan dapat diibaratkan sedang berhadapan dengan medan peperangan yang tidak akan dapat lari daripada menghadapi sebarang kesulitan, kepayahan dan kesengsaraan terutamanya dari aspek pengurusan kewangan, pemasaran, pengeluaran dan pengurusan pekerja dan organisasi keseluruhannya. Usahawan akan menghadapi segala kepayahan dan kesulitan ini dengan tenang tanpa membantutkan usaha mereka untuk terus maju. Bagi usahawan, setiap masalah dan kesengsaraan pasti ada hikmah disebaliknya.

Usahawan yang berjaya akan sentiasa menitikberatkan standard dan mutu kerja yang tinggi nilainya (Rosli et.al., 2010). Produk yang mempunyai standard dan mutu kerja yang tinggi nilainya akan mendapat kelebihan persaingan berbanding pesaing sedia ada. Ini adalah kerana, pelanggan biasanya akan mengkaji dan membandingkan kualiti sesuatu produk sebelum mereka memilikinya. Melalui mutu kerja yang tinggi, usahawan bukan sahaja dapat meyakinkan para pembeli dan pelanggan tetapi juga dapat memuaskan kehendak dan keperluan mereka. Ini secara tidak langsung, dapat meningkatkan prestasi serta imej perniagaan bagi usahawan (Mohd Syahrir et.al., 2017)

Ciri-ciri kerajinan, komitmen, keazaman dan ketabahan merujuk kepada personaliti usahawan yang amat penting dalam pembangunan dan kejayaan seseorang usahawan. Pada setiap peringkat kitaran hayat perniagaan, usahawan amat memerlukan ciri-ciri di atas. Pada peringkat permulaan sesebuah perniagaan, usahawan amat memerlukan kerajinan, komitmen, keazaman dan ketabahan bagi menghadapi segala cabaran, rintangan, masalah dan kegagalan dalam memperkembangkan perniagaan. Usahawan yang mempunyai ciri orientasi kearah kecekalan haruslah cekap dalam menguruskan perniagaan. Ini bermakna, usahawan harus menggunakan sumber input yang ada dengan lebih berkesan, efektif dan menjimatkan kos (Rosli et.al, 2010). Perancangan yang sistematik bermaksud usahawan sentiasa menggunakan perancangan yang terperinci dan logik untuk mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang (Lily Julienti et. al., 2016). Dalam konteks ini juga, usahawan akan mengaplikasikan segala strategi-strategi keusahawanan dalam menguruskan perniagaan dengan mendapat keuntungan yang lumayan. Usahawan juga berupaya mengambil pendekatan yang sistematik dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti perniagaannya.

Seseorang usahawan perlulah mempunyai keyakinan terhadap kebolehan, keupayaan dan kemampuan dirinya sendiri bagi menjamin kejayaan perniagaan yang diasasnya (lily Juleinti, 2016). Yakin terhadap kebolehan diri bermaksud, usahawan mempunyai pendirian dalam membuat sebarang keputusan walaupun mendapat tentangan hebat dari pelbagai pihak.

Usahawan haruslah berani dan berkeyakinan dalam segala tindakan bagi mencapai matlamat dan visi organisasinya. Ciri ketegasan mampu menjadikan usahawan seorang yang bertanggungjawab terhadap perniagaannya. Usahawan yang berjaya mempunyai kebolehan untuk menggunakan pengaruh yang ada disekelilingnya (Rosli, et.al., 2010). Usahawan menggunakan strategi pengaruh untuk mendapat kepercayaan dan keyakinan serta menjalinkan hubungan yang rapat dengan semua pihak yang berkepentingan dengannya. Usahawan juga menggunakan strategi-strategi pengaruh untuk mendapatkan hak pengedaran, memudahkan mendapat pinjaman serta mendapatkan kontrak-kontrak perniagaan mereka.

Kajian terhadap enam belas (16) usahawan OKU di Iran mendapati usahawan OKU mempunyai ciri-ciri dan kompetensi diri yang spesifik dan mengikut fungsian dalam menjalankan perniagaan. Kompetensi diri yang spesifik adalah seperti kompetensi sikap (attitut), keyakinan diri yang tinggi and bertindak untuk belajar tentang keyakinan diri. Manakala kompetensi fungsian adalah kompetensi keusahawan secara umum, komitmen yang tinggi serta kompetensi sosial (Bagheri & Abbiriki, 2017). Ini membuktikan, golongan OKU juga perlu memiliki kompetensi keusahawanan dalam menjalankan perniagaan serta keyakinan diri yang tinggi untuk berjaya.

Metodologi

Program Pemindahan Ilmu *Edu-Tourism* merupakan program '*pioneer*' (permulaan) yang telah mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Ilmu berkaitan kompetensi diri keusahawanan telah dipindahkan kepada 25 orang staf dari Yayasan Pulau Banding, Yayasan EMKAY dan Pulau Banding *Research Centre* oleh tenaga akademik UUM. Program pemindahan ilmu ini disifatkan sebagai unik kerana melibatkan warga OKU sebagai peserta.

Kajian ini melibatkan sepuluh peserta orang kelainan upaya (OKU) yang menyertai Program Transformasi OKU dalam *Edu-tourism*. Ilmu keusahawanan berkaitan kompetensi diri melalui proses ciri-ciri usahawan yang berjaya telah dipindahkan daripada pihak akademia UUM kepada 25 orang staf dari Yayasan Pulau Banding dan Yayasan EMKAY. Seterusnya, staf-staf yang berminat untuk melibatkan diri dalam program ini bertindak sebagai fasilitator yang bertanggung jawab untuk memindahkan ilmu berkaitan kompetensi keusahawanan kepada peserta OKU mengikut jadual yang ditetapkan.

Bagi meninjau tahap kompetensi peserta OKU, Setiap peserta akan diberikan set soal selidik sebelum dan selepas program dilaksanakan. Instrumen yang digunakan untuk *pre-test* dan *post test* bagi kajian ini diadaptasi dari instrument kompetensi keusahawanan yang dibangunkan oleh McClelland 1985 yang terdiri dari 65 soalan merangkumi kesemua 13 item .

Soal selidik *pre-test* diedarkan kepada semua peserta OKU sebelum fasilitator memindahkan ilmu mengenai kompetensi keusahawanan kepada mereka. Manakala soal selidik *post-test* diedarkan selepas ilmu mengenai kompetensi keusahawanan di pindahkan kepada peserta OKU. Untuk mengukur sejauh manakah tahap kompetensi keusahawanan terdapat dalam diri peserta OKU, interpretasi skor min oleh Norasmah et.al., (2006), berdasarkan formula Nunnally (1978) digunakan bagi menentukan tahap kompetensi keusahawanan dalam kalangan peserta OKU seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Nunnally (1978), Alias Baba (1997) & Norasmah et.al. (2006)

Isu dan Cabaran

Masalah Pencarian dan Pemilihan Peserta OKU yang Berkelayakan

Proses pencarian dan pemilihan peserta OKU yang memenuhi kriteria sebagai peserta program ini mengambil masa selama hampir tiga bulan. Ini disebabkan ia melibatkan proses mengenal pasti calon peserta yang tidak terlalu ketara kelainan upaya mereka supaya calon peserta dapat mengikuti program ini dengan jayanya. Proses ini melibatkan Sekolah Pendidikan Khas, Persatuan Pemulihan Orang Kurang Upaya Kinta, Ipoh, Perak, Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terpilih dan juga Rumah Kanak-Kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi pelajar UUM, pihak sekretariat mengenal pasti peserta yang berkelayakan melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UUM. Sewaktu pemilihan dalam kalangan pelajar UUM juga bukan mudah walaupun kesemuanya terpelajar, namun pihak graduan pelatih hanya boleh memilih peserta yang benar-benar berminat dengan program ini dan boleh memberi komitmen.

Cabaran dalam Menangani Keyakinan Diri yang Rendah Dalam Kalangan Peserta OKU

Pihak akademia UUM sekali lagi menghadapi cabaran dalam menangani keyakinan diri yang rendah dalam kalangan peserta OKU. Peserta OKU yang terpilih kebanyakannya mempunyai masalah pembelajaran dan kurang upaya fizikal yang menyebabkan keyakinan diri mereka agak rendah. Walaubagaimanapun, pihak akademia UUM dan graduan pelatih sentiasa membantu peserta OKU dalam memastikan perjalanan program ini berjalan lancar.

Masalah Penyesuaian Diri di Antara Pihak Industri/UUM dan Peserta OKU pada Peringkat Awal Program

Rentetan bagi isu dan cabaran menangani keyakinan diri yang rendah, pihak sekretariat juga berhadapan dengan peserta yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan pihak yang terlibat sewaktu program dijalankan. Peserta OKU menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri manakala pihak akademik dan industri perlu memahami tingkah laku, kekurangan dan kelebihan peserta OKU. Graduan pelatih yang dilantik memainkan peranan untuk mengatasi masalah ini sehingga masalah dapat diatasi.

Jurang Pendidikan antara Peserta OKU Menimbulkan Kesukaran dalam Proses Pengajaran

Daripada sepuluh orang peserta OKU bagi program ini, tiga orang peserta merupakan pelajar UUM, dua peserta sudah mempunyai pekerjaan dan selebihnya masih belum bekerja dan hanya memiliki sijil sekolah menengah. Ini menyebabkan proses pembelajaran menjadi tidak lancar sebagaimana yang dirancangkan. Bagi mereka yang memiliki sijil sekolah menengah, perhatian

yang lebih perlu diberikan terutamanya bagi seminar yang memerlukan penyertaan daripada mereka. Sekali lagi, graduan pelatih memainkan peranan penting sebagai pembantu bagi akademia UUM dan penceramah dari Yayasan Pulau Banding setiap kali seminar dijalankan.

Kekurangan Diri OKU Menjejaskan Kebolehpasaran Kerja

Rentetan bagi jurang pendidikan dalam kalangan OKU, sebahagian peserta OKU yang tidak memiliki pengalaman kerja dan latar belakang pendidikan yang baik, merasakan diri mereka tidak cukup yakin untuk memohon pekerjaan yang sesuai dengan tahap kemahiran yang dimiliki. Secara normanya, mereka akan berasa malu dan terpinggir disebabkan kekurangan mereka. Sementara dengan sikap negatif pihak tertentu, yang acapkali memandang rendah akan kekurangan mereka sama ada dari segi fizikal mahupun mental akan menyebabkan mereka disisihkan dan dipinggirkan daripada komuniti. Ini jelas sekali akan memberi kesan kepada perkembangan minda dan jati diri mereka. Sikap sebegini perlu dielakkan bagi mewujudkan kesamarataan taraf kehidupan dalam masyarakat.

Dapatan

Kertas kerja ini akan membincangkan dapatan kajian yang merangkumi profil diri peserta OKU dan tahap kompetensi diri OKU sebelum dan selepas program dilaksanakan.

Profil Diri Peserta OKU

Profil diri peserta OKU boleh dilihat seperti jaduan 2 di bawah.

Jadual 2: Profil Peserta OKU

Faktor Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratusan
Jantina	Lelaki	7	70%
	Perempuan	3	30%
Etnik	Melayu	10	100%
	Lain-lain	0	
Umur	< 25 tahun	8	80%
	25-30 tahun	2	20%
Kategori OKU	Masalah Pembelajaran	5	50%
	Masalah Fizikal	5	50%
Kelayakan	PMR/Menengah Rendah	5	50%
	SPM	2	20%
	Ijazah Sarjana Muda	3	30%

Ciri-ciri Kompetensi Usahawan Peserta OKU

Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan sebelum ilmu dipindahkan kepada peserta OKU ialah min=2.1 (sederhana rendah) namun, min keseluruhan selepas ilmu dipindahkan menunjukkan skor yang lebih tinggi iaitu min=3.2 (sederhana tinggi). Ini dapat disimpulkan bahawa tahap kesedaran peserta OKU terhadap kompetensi keusahawanan meningkat selepas ilmu kompetensi keusahawanan dipindahkan kepada mereka. Analisis secara terperinci mengenai kompetensi usahawan dalam kalangan peserta OKU sebelum dan selepas menghadiri bengkel motivasi dan kompetensi keusahawanan adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Tahap Kompetensi Keusahawanan dalam Kalangan Peserta OKU Sebelum dan Selepas Program Pemindahan Ilmu

Item Kompetensi Keusahawanan	Sebelum			Selepas			
	Min	SP	Interpretasi Skor Min	Min	SP	Interpretasi Skor Min	Kesan/Perubahan
Inisiatif diri	1.9	1.12	Rendah	3.1	0.94	Sederhana Tinggi	Meningkat
Melihat dan merebut peluang	2.1	1.03	Sederhana Rendah	3.4	1.21	Sederhana Tinggi	Meningkat
Kecekalan	2	1.13	Sederhana Rendah	3.1	1.04	Sederhana Tinggi	Meningkat
Mencari maklumat	2.2	1.25	Sederhana Rendah	3.4	1.33	Sederhana Tinggi	Meningkat
Menitikberatkan mutu kerja yang tinggi	2.3	1.12	Sederhana Rendah	3.3	1.24	Sederhana Tinggi	Meningkat
Beriltizam kepada perjanjian kerja	2.4	1.03	Sederhana Rendah	3	1.42	Sederhana Tinggi	Meningkat
Orientasi kearah kecekalan	2.4	1.21	Sederhana Rendah	3.1	1.22	Sederhana Tinggi	Meningkat
Membuat perancangan sistematik	2.4	1.03	Sederhana Rendah	3.3	1.32	Sederhana Tinggi	Meningkat
Penyelesaian masalah	2.3	1.02	Sederhana Rendah	3.1	1.21	Sederhana Tinggi	Meningkat
Keyakinan diri	2.2	1.12	Sederhana Rendah	3.1	0.98	Sederhana Tinggi	Meningkat
Ketegasan	1.9	1.21	Rendah	3.2	1.22	Sederhana Tinggi	Meningkat
Kemampuan menyakinkan orang lain	1.8	1.22	Rendah	3.3	1.21	Sederhana Tinggi	Meningkat
Kemampuan menggunakan strategi pengaruh	2.1	1.03	Sederhana Rendah	3.5	1.05	Sederhana Tinggi	Meningkat
Min Keseluruhan	2.1		Sederhana Rendah	3.2		Sederhana Tinggi	Meningkat

SP=Sisihan Piawai

Perbincangan dan Kesimpulan

Oleh kerana kajian terhadap belia OKU di Malaysia agak kurang manakala data OKU di Malaysia yang tidak dikemaskini sukar untuk pihak sekretariat (UUM, Yayasan EMKAY dan Yayasan Pulau Banding) mendapatkan penyertaan pada awal program dilaksanakan. Proses pemindahan ilmu kepada golongan OKU agak kompleks dan agak rumit kerana pihak sekretariat perlu memilih lokasi, suasana pembelajaran yang kondusif untuk golongan OKU ini. Walaupun terdapat pelbagai isu dan cabaran dalam melaksanakan Program Transformasi OKU ini, pihak penyelidik dapat mengatasi segala isu dan cabaran dengan baik hasil kerjasama dan sokongan beberapa pihak terutama pihak industri iaitu Yayasan Pulau Banding yang sangat prihatin terhadap kapasiti dan keupayaan peserta OKU dengan memperuntukan bilik pembelajaran dan tempat tinggal yang kondusif dalam mendapatkan ilmu yang bakal dipindahkan

Rumusan di jadual 1 menunjukkan profil peribadi peserta yang terdiri dari peserta lelaki seramai 7 orang (70%) dan peserta perempuan seramai 3 orang (30%). Majoriti peserta adalah etnik Melayu dan beragama Islam serta berumur di bawah 25 tahun seramai 8 orang (80%) dan berumur di atas 25 tahun seramai 2 orang (20%) sahaja. Dari aspek kategori kurang upaya, 5 orang (50%) peserta tergolong di bawah kategori kurang upaya pembelajaran dan 5 orang (50%) adalah kurang upaya fizikal. Manakala kelayakan peserta OKU yang mempunyai Sijil Penilaian Menengah Rendah/Sekolah Menengah Rendah seramai 5 orang (50%), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seramai 2 orang (20%) dan Ijazah Sarjana Muda seramai 3 orang (30%).

Selain dari itu, kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan output pada jadual 2 menunjukkan skor min (purata) setiap dimensi tahap kompetensi keusahawanan bagi belia OKU adalah melebihi 3.00 berbanding dengan sebelum menyertai program iaitu di antara 1.50 - 2.50 sahaja (min purata). Ini menunjukkan terdapat kesan positif dari aspek kompetensi diri peserta OKU selepas menghadiri program transformasi ini, malahan terdapat peserta yang mendapat tawaran pekerjaan di Pulau Banding Resort seurus tamat program. Sehingga kini terdapat beberapa peserta yang mendapat perkerjaan di beberapa buah Syarikat seperti Telekom Malaysia dan Mydin Mall (Sungai Petani).

Kompetensi diri usahawan dapat dilihat melalui ujian skor kompetensi diri individu bagi setiap peserta OKU. Ujian ini telah terbukti dapat memberi gambaran yang jelas terhadap motivasi diri keusahawanan bagi peserta OKU yang telah hadir latihan selama 6 bulan ini. Ujian kompetensi mempunyai kelebihan dalam menginterpretasi kebolehan seseorang individu sama ada dalam bidang keusahawanan dan pekerjaan yang lain.

Hakikatnya, terdapat keunikan tersendiri bagi setiap peserta OKU yang menyertai program ini. Terdapat beberapa ciri dan profil yang perlu diambilkira oleh seseorang usahawan mahupun usahawan dalaman pada abad ini. Ciri dan profil yang diketengahkan ini adalah untuk menjadikan peserta OKU lebih berdaya saing dan berdaya mampan serta membolehkan seseorang OKU itu mendapat kelebihan persaingan berbanding dengan individu lain. Sebagai kesimpulan, ujian kompetensi diri wajar dilaksanakan sebelum seseorang individu menceburi bidang keusahawanan bagi mengukur tahap kesediaan diri dalam menghadapi dunia perniagaan mahupun pekerjaan yang mencabar. Justeru, setiap kekurangan pada diri belia OKU dapat diatasi dan mereka dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan masyarakat awam dengan baik selepas program ini dilaksanakan.

Rujukan

- Alias Baba (1997). *Statistik Penyelidikan dan Pendidikan Sains Sosial*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizee Aziz. (2013). *Competence Successful Entrepreneur*, <http://azizieaziz.blogspot.com/2013>, diakses pada 30 Julai 2014.
- Bagheri, A. & Abbariki, M. (2017). Competencies of disabled entrepreneurs in Iran: implications for learning and development, *Journal of Disability & Society*, 32 (1), 69-92.
- Bird, B. (1989). *Entrepreneurial Behaviour*. Glenview, IL: Scott, Foreman & Co.

- Bird, B. (1995). Towards a Theory of Entrepreneurial Competency, in Katz, J.A. and Brockhaus, R.H.(ed.), *Advances in entrepreneurship, firm emergence and growth*, Vol. 2, JAI Press, Greenwich, pp 51-72.
- Bird, B. (2002). Learning Entrepreneurship Competencies: The Self-Directed Learning Approach, *International Journal of Entrepreneurship Education*, 1. 203-227.
- Brockhaus, R. (1982). The Psychology of the Entrepreneurs. *Journal of Occupational Psychology*, 52, 277-285.
- Gibb, A. A. (1987) 'Enterprise Culture - Its Meanings and Implications for Education and Training', *Journal of European Industrial Training*, Vol.11. No.2.
- Haziah Sa'ari, Jafalizan Md Jali, Marlia Idrus & Hafiza Adenan. (2013). Mengukur Kompetensi Keusahawanan: Penanda Aras Prestasi Pustakawan, *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013*, 12-27.
- Hisrich, R.D., Peters, M.P. & Sheperd, A.D. (2005). *Entrepreneurship*. Boston: McGraw.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2013). *Registration of PWD's by Category of Disabilities*. http://www.jkm.simple.my/content.php?pagename=pendaftaran_orang_kurang_upaya&lang=en, diakses pada 15 Oktober 2015.
- Jack, S.L & Anderson, A.R. (1999). Entrepreneurship Education Within The Enterprise Culture: Producing reflective practitioners", *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, Vol. 5 Issue: 3, 110-125.
- Kamus Dewan (2000). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lily Julienti Abu Bakar, Armanurah Mohamad, Nur Intan Saniah Sulaiman, Norzalinda Mohd Ali Hanafiah & Syahrina Abdullah (2016). Program Pemindahan Ilmu: Transformasi Orang Kurang Upaya Melalui *Edu-Tourism*, *Laporan Akhir Projek KTP*, Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Low, M. B. & MacMillan, I.C. (1988). Entrepreneurship: Past Research and Future Challenges, *Journal of Management*, 14(2), 139-161.
- McClelland, D.C. (1985). Characteristics of Successful Entrepreneurs, *Journal of creative Behaviour*, 21, 219-233.
- McClelland, D.C. (1965). Achievement and entrepreneurship: A longitudinal study, *Journal of Personality and Social Psychology*, 1(4), 389-392.
- Mohd Salleh Hj. Din, Hoe Chee Hee, Norashidah Hashim, Ooi Yeng Keat, Shuhymee Ahmad, Habshah Bakar, Norita Deraman, Rosli Mahmood, Armanurah Mohamad, Lily Julienti Abu Bakar & Muhammad Nasri Mohd Hussain. (2005). *Asas Keusahawanan*. Thompson Learning, Kuala Lumpur.
- Mohd Syahrir Rahim, Ahmad Zamil Abd. Khalid, Sahadah Abdullah, Syahrina Abdullah, Saudah Ahmad, Norria Zakaria, Iskandar Adon, Armanurah Mohamad, Donny Abdul Latief Poespowidjojo. (2017). *Asas Keusahawanan: Ke Arah Pengukuhan Minda dan Kemahiran Keusahawanan*, Sintok, UUM Press.
- Norasmah Othman, Halimah Harun, Faridah Karim, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Nosaishah Buang. (2006). Pembentukan indeks tingkah laku keusahawanan golongan remaja sekolah Malaysia, *Laporan Akhir Projek IRPA*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 07-02-02-0036 EA 276.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometric Theory*, New York: Mc Graw Hill.
- Rosli Mahmood, Azrain Nasyrah Mustapa, Rosli Mohd Saad, Mohamad Yusop Mohd Jani, Norria Zakaria, Syahrina Abdullah, Ahmad Khairi Yahya, Hoe Chee Hee, Shamsul Huda Abd. Rani, Muhammad Shukri Bakar, Shiza Sa'atar, Lily Julienti Abu Bakar & Habshah

- Bakar. (2010). *Prinsip-Prinsip Keusahawanan: Pendekatan Gunaan (edisi kedua)*, Singapore: Cengage Learning.
- Rotter, J. B. (1990). Internal versus external control of reinforcement: A Case history of variable, *American Psychologist*, 45, 489-493.
- Siti Syuhada Abd Rahman, Muhammad Firdaus Muhammad Sabri & Suhaila Nadzri. (2015). Kompetensi Keusahawanan Diri Dalam Kalangan Mahasiswa Yang Mengambil Kursus Keusahawanan Universiti, *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015*, 16th-17th November 2015, 372-384.
- Soo Ji Min (1999). Made not born, *Entrepreneurship of the year magazine*, fall, page 80.